

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan catatan kontra bagi akaun berkaitan berikut.

Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
Akaun Belian	
Akaun Belum Terima	

[2 markah]

- (b) Dokumen perniagaan berikut diperoleh daripada Kedai Buku Madihah.

Thank You.  Maybank

Here your receipt.

Giro/DuitNow Transfer

Reference ID

23922928M

29 Aug 2022 10:20:35

Beneficiary Name

Almasad Dahani Bin Rahman

Receiving Bank

CIMB BANK BERHAD

Recipient Bank

Sewa Kedai

Amount

RM 2300.00

Note: The receipt is computer and generated and no signature is required.

Malayan Banking Berhad (Co. Reg : 12192192901)

- (i) Apakah jenis dokumen yang digunakan oleh pemilik kedai buku Madihah?
- (ii) Apakah tujuan dokumen perniagaan di atas dikeluarkan?
- [2 markah]
- (c) Nyatakan akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut.

Urusniaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Pemilik mengambil barang niaga untuk tujuan promosi perniagaan.		

[2 markah]

(d) Maklumat berikut diambil daripada Kelab Satria Jaya.

Bilangan ahli	250 orang ahli
Yuran tahunan ahli	RM 70
Yuran belum terima pada akhir tempoh perakaunan	RM210

Hitung jumlah yuran yang diterima untuk tahun tersebut.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Qaisara Medina.

	RM
Kos Jualan	25 000
Jualan	45 000
Inventori pada 1 Januari 2021	6 540
Inventori pada 31 Disember 2021	4 530

Hitungkan kadar pusing ganti inventori bagi Perniagaan Qaisara Medina.

[2 markah]

- 2 Perniagaan Pizza Joanna baru memulakan perniagaan pada 1 Januari 2021. Berikut adalah imbangan duga beliau pada 31 Disember 2021.

	Debit RM	Kredit RM
Modal		82 000
Premis kedai (kos)	70 000	
Perabot (kos)	19 000	
Ambilan	500	
Belian	35 900	
Jualan		60 450
Upah atas belian	1 900	
Pulangan	350	
Diskaun	250	540
Gaji pekerja	6 000	
Gaji Jurujual	4 800	
Komisen		4 200
Alat tulis	240	
Peruntukan hutang Ragu		300
Insurans	840	
Pinjaman bank (matang pada 2026)		20 000
Belanja am	640	
Kadar bayaran	1 850	
Akaun Belum Bayar		6 880
Akaun Belum Terima	15 800	
Bank	15 000	
Tunai	1 300	
	<u>174 370</u>	<u>174 370</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2021 bernilai RM8 020 pada harga kos dan RM8 200 pada harga pasaran.
- (ii) Belanja belum bayar dan hasil belum terima :

	RM
• Kadar Bayaran	500
• Komisen Diterima	380
- (iii) Insurans sebanyak RM120 masih belum tamat tempohnya.
- (iv) Pinjaman bank telah dibuat pada 1 Julai 2021 dengan kadar faedah 10 % setahun.
- (v) Inventori alat tulis pada 31 Disember 2021 bernilai RM100.
- (vi) Seorang pelanggan telah muflis. Hutangnya dihapuskan sebagai hutang lapuk RM700.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 5% atas baki akaun belum terima bersih.
- (viii) Perabot hendaklah disusutnilai pada kadar 10% setahun atas kos.
- (ix) Belanja am yang dibayar termasuk RM140 untuk hal peribadi.

- (x) Perniagaan Pizza Joanna telah menerima RM1 600 wang melalui perbankan dalam talian pada 25 Disember 2021 bagi tempahan pizza daripada pelanggannya untuk jamuan pada 10 Januari 2022 nanti.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [14 *markah*]
(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (tunjukkan modal kerja) [11 *markah*]

- 3 (a) Maklumat berkaitan urus niaga penerimaan dan pembayaran Syarikat Dulang Emas Sdn. Bhd. bagi bulan Mac 2022 adalah seperti berikut:

2022

Mac	1	Baki tunai di bank RM4 200.
	2	Membayar kadar bayaran RM320 dengan cek bernombor 21010.
	5	Membayar sewa kedai RM800 dengan cek bernombor 721011.
	9	Menjelaskan hutang kepada Berkat Trading RM960 dengan cek bernombor 721012.
	11	Menerima cek RM3 120 daripada Ameela Trading.
	13	Jualan tunai dibankkan RM3 460.
	18	Membeli mesin pencetak RM750 dengan cek bernombor 721013.
	22	Membayar bil telefon RM200 secara tunai.
	23	Membeliengkapan kedai RM2 100 dengan cek bernombor 721014.
	24	Terima cek daripada Ameego Enterprise RM1 240.
	29	Terima komisen RM600 daripada KuKwan Berhad dengan cek.
	29	Membayar gaji RM2 500 dengan cek bernombor 721015.

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

[12 markah]

- (b) Pada akhir Mac 2022 Syarikat Dulang Emas Sdn. Bhd. menerima penyata bank. Penyata bank tersebut menunjukkan baki kredit RM9 780 berbeza dengan baki Buku Tunai di 3(a). Perbezaan ini disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Cek berikut belum dikemukakan kepada bank:
 - Cek bernombor 721011: sewa RM800
 - Cek bernombor 721015: gaji RM2 500
- (ii) Komisen RM600 yang diterima daripada KuKwan Berhad telah direkod dalam buku tunai tetapi belum dikreditkan oleh pihak bank.
- (iii) Terimaan dividen RM3 100 daripada Syarikat Sugee Berhad dan bayaran buku cek RM30 belum direkodkan dalam buku tunai.
- (iv) Arahan tetap kepada bank untuk bayaran insurans RM210 belum direkodkan dalam buku tunai.
- (v) Cek RM1 240 yang diterima pada 24 Mac dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (vi) Cek bernombor 721012 berjumlah RM690 untuk bayaran kepada Berkat Trading telah tersilap rekod dalam buku tunai sebagai RM960.

Anda dikehendaki :

- (i) Mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank sahaja) pada 31 Mac 2022.
[7 *markah*]
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2022.
[6 *markah*]

Bahagian B[40 *markah*]Jawab *dua* soalan sahaja.

- 4 (a) Norzi Hartanah Berhad merupakan sebuah syarikat hartanah yang beroperasi di Kulai, Johor. Pada 1 Mac 2021, syarikat telah menerbitkan 3 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 10 Mac 2021, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 30 Jun 2021, syarikat telah membayar dividen interim bagi pemegang Syer Keutamaan dan 4% bagi pemegang Syer Biasa.

Pada 3 Ogos 2021, syarikat memerlukan modal tambahan dengan menerbitkan 1 000 500 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 1 000 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan 11 Ogos 2022, semua Syer Keutamaan telah dilanggan penuh manakala terdapat kurangan langganan berjumlah RM100 000 bagi Syer Biasa. Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 15 Ogos 2021.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, syarikat mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 3 sen seunit dividen akhir kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) Menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja). [3 *markah*]
- (ii) Menghitung dividen interim. [4 *markah*]
- (iii) Menghitung dividen akhir. [5 *markah*]

- (b) Tempoh perakaunan bagi Perniagaan Mila berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2019, 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021 adalah seperti yang berikut:

Tahun	RM
2019	32 000
2020	30 000
2021	34 500

Maklumat tambahan:

- Pada tahun 2021 jumlah hutang lapuk ialah RM500
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% setahun atas Akaun Belum Terima bersih pada setiap tempoh perakaunan.

Anda dikehendaki:

- Menyediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021. [6 markah]
- Menunjukkan catatan di Penyata Kedudukan Kewangan untuk tahun 2021. [2 markah]

- 5 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perkongsian AZ pada 31 Mei 2022.

Perkongsian AZ
Imbangan Duga Pada 31 Mei 2022

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Jun 2021:		
Azwan		40 000
Azlan		60 000
Akaun Semasa pada 1 Jun 2021:		
Azwan	1 600	
Azlan		2 560
Ambilan:		
Azwan	4 000	
Azlan	5 000	
Premis (kos)	90 000	
Kenderaan (kos)	42 000	
Bank		2 750
Tunai	1 250	
Akaun Belum Terima	9 600	
Akaun Belum Bayar		8 140
Peruntukan hutang ragu		550
Inventori pada 31 Mei 2022	14 800	
Pinjaman Azlan		12 000
Untung bersih sebelum pelarasan		42 250

Maklumat tambahan:

- (i) Pelarasan yang perlu diambil kira:
 - Kadar bayaran yang masih belum dibayar sebanyak RM340.
 - Insurans prabayar sebanyak RM420.
 - Gaji yang masih belum di bayar kepada pekerja sebanyak RM1 500.
 - Faedah atas overdraf bank belum bayar berjumlah RM140.
 - Seorang pelanggan telah melarikan diri dan hutangnya sebanyak RM800 di hapus kira.
 - Faedah atas pinjaman yang masih belum dijelaskan kepada pekongsi sepanjang tahun.
- (ii) Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:
 - Faedah atas modal ialah 6% setahun.
 - Faedah atas ambilan ialah 5% setahun.
 - Faedah atas pinjaman ialah 8% setahun.
 - Gaji Azwan dan Azlan masing-masing ialah RM2 400 dan RM2 800 .
 - Untung atau rugi diagihkan antara Azwan dan Azlan mengikut nisbah 2:3.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Menyelaras Untung Bersih [7 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2022.
(dalam bentuk penyata) [7 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. (bentuk beruangan) [6 markah]

- 6 Perniagaan Makanan Sweety memproses buah jambu untuk dijadikan jambu batu kering. Kos yang terlibat untuk menghasilkan 2000 pekset jambu batu kering tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Harga (RM)
Upah langsung	3 000
Upah tak langsung	4 200
Kos bahan langsung	2 000
Sewa bangunan kilang	3 000
Kadar bayaran kilang	1 400
Harga jualan	7.50 sepeket

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung:
- (i) Jumlah kos tetap [2 markah]
 - (ii) Jumlah kos berubah [2 markah]
 - (iii) Jumlah kos [2 markah]
 - (iv) Jumlah hasil [2 markah]
 - (v) Margin caruman sepeket jambu batu kering [2 markah]
 - (vi) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(i), lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda perlu menunjukkan:
- (i) garisan Kos Tetap [1 markah]
 - (ii) garisan Jumlah Kos [1 markah]
 - (iii) garisan Jumlah Hasil [1 markah]
 - (iv) Titik Pulang Modal [1 markah]
 - (v) kawasan untung dan rugi [2 markah]
- (c) Menghitung keuntungan yang diperolehi sekiranya pengeluaran disasarkan sebanyak 3 000 pekset dengan menambah seorang lagi pekerja separuh masa yang diberi upah sebanyak RM800 sebulan. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT